

28/02/2002

Wanita Pasir Salak galak ahli bertadarus

Mustafa Ngah Mansor

UNTUK menjadi wanita sempurna tidaklah mudah. Ini kerana ia perlu menggandingkan ilmu dunia dan akhirat, selain tidak ketinggalan pengetahuan hal ehwal rumah tangga.

Justeru, penting bagi wanita meningkatkan kegiatan menghayati al-Quran, selain menghadiri majlis ilmu dan mempelbagai usaha memotivasikan rohani.

Inilah antara ciri murni untuk membimbing wanita lebih berjaya dalam kerjaya dan khidmatnya kepada bangsa, agama dan negara selain rumah tangga.

Hasrat itu cuba diisi oleh Pergerakan Wanita Umno Bahagian Pasir Salak, Perak, menerusi beberapa kegiatan untuk menyuntik semangat ahlinya.

Di bawah kepimpinan ketuanya, Datuk Ainon Khariyah Mohd Abas, jelas ternampak peningkatan kegiatan bercorak keagamaan, di samping kegiatan sosial dan ekonomi.

Bagi merealisasikan pergerakannya pergerakannya itu menggalakkan ahlinya mengadakan kumpulan tadarus dan nasyid.

"Kelas pengajian agama disusuli dengan kegiatan tadarus dan nasyid menjadi sebahagian daripada kegiatan yang diamalkan pada peringkat cawangan dan zon.

"Wanita juga didedahkan dengan kegiatan pendidikan dan sosial untuk meningkatkan ilmu pengetahuan bagi membina rumah tangga harmoni.

"Mereka turut membantu dalam urusan meningkatkan taraf hidup keluarga melalui kegiatan ekonomi," katanya selepas majlis khatam al-Quran di Dewan Pelbagaiguna Seberang Perak, dekat sini, baru-baru ini.

Ainon bersyukur kegiatan khatam al-Quran berjalan dengan baik hingga pada peringkat bahagian.

Beliau berharap usaha itu akan terus dipupuk sesama anggota keluarga wanita sebagai jihad dalam pembangunan ummah.

Kira-kira 30 wanita mewakili zon masing-masing mengambil bahagian menjayakan majlis khatam al-Quran.

Majlis turut diceriakan dengan persembahan mantap kumpulan nasyid wanita Umno cawangan Sungai Durian, walaupun usia penubuhannya baru setahun jagung.

Ainon berkata, wanita akan terus mengadakan acara tadarus al-Quran setiap tahun khususnya pada Ramadan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Wanita Umno bahagian itu, Mashitah Ahmad, 40, berkata wanita mengamalkan konsep turun padang dengan membabitkan cawangan tertentu sebagai tuan rumah.

Katanya, konsep ini selaras dengan seranan pemimpin atasan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Konsep itu merapatkan lagi perhubungan mesra antara pemimpin parti dengan ahli dalam kelangsungan kegiatan pada peringkat akar umbi.

"Sebagai contoh, wanita pernah menganjurkan program perkelahan yang dihadiri lebih 1,000 ahli tiga peringkat di pantai Kota Setia.

"Beberapa cawangan di kawasan berkenaan termasuk cawangan Kota Setia, Sungai Besar dan Sejangop menjadi tuan rumah kepada perkelahan itu," katanya.

Katanya, semua pemimpin peringkat bahagian hadir pada majlis berkenaan termasuk ketuanya, Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai tetamu khas.

Lebih menarik katanya, ramai ahli Umno dan penduduk tempatan bergotong-royong membersihkan kawasan berkenaan seminggu sebelum acara berlangsung.

Beliau berkata, usaha itu mengembalikan semangat bekerjasama yang kian

terhakis disebabkan kesibukan hal masing-masing.

Mashitah berkata, wanita turut dibabitkan dalam program politik termasuk menghadiri majlis penerangan menghakis dakwah pembangkang terhadap kejayaan Umno.

(END)